

**PLPP Bangi berjaya lahirkan 30 usahawan OKU menerusi kursus ditawarkan**

Disember 14, 2022 15:52 MYT

KUALA LUMPUR: Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihian (PLPP) Bangi, sebuah institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berjaya melahirkan 30 usahawan Orang Kurang Upaya (OKU) menerusi kursus keusahawanan yang ditawarkan tahun ini.

Ketua Pengarah JKM Datuk Shaharuddin Abu Sohot berkata, kebanyakan mereka mencebur pniagaan makanan selepas mengikuti kursus ditawarkan PLPP seperti kursus asas keusahawanan, forensik perniagaan dan program bimbingan dan pementoran.

Beliau berkata dalam memastikan setiap OKU dilengkapi pengetahuan keusahawanan, mereka bukan hanya diberikan bantuan dan tunjuk ajar melalui seminar, malah dibimbing secara semuka bagi mengatasi masalah yang dihadapi.

Menurutnya PLPP Bangi juga telah menubuhkan bahagian keusahawanan yang bertanggungjawab menyediakan sokongan diperlukan, meluaskan rangkaian serta menjalinkan kerjasama erat bersama pemain industri, institut keusahawanan dan pihak-pihak berkepentingan.

"Kejayaan ini membuktikan JKM menerusi PLPP Bangi peka dengan keperluan pelajar serta komuniti OKU, lebih-lebih lagi bidang keusahawanan kini menjadi pemangkin kepada perubahan dan perkembangan ekonomi," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Selain itu, Shaharuddin berkata PLPP Bangi turut menyediakan empat kursus pendek kepada 60 OKU tahun ini dalam melaksanakan rekayasa semula (reengineering) latihan sejarar dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 kepada golongan itu.

Beliau berkata program yang bermula Julai lepas itu terbahagi kepada kursus urutan tradisional lelaki dan bekam, kursus penggayaan rambut lelaki, kursus penjagaan kulit dan resdung serta kursus kraf kayu, yang masing-masing disertai 15 OKU.

"Untuk terus berdaya saing dan relevan, PLPP akan menawarkan kursus-kursus jangka pendek di masa akan datang. Ini bagi memberi peluang kepada lebih ramai OKU mengikuti kursus yang memenuhi pasaran pekerjaan dalam industri serta memberi peluang membina perniagaan sendiri dengan kemahiran yang mereka peroleh," katanya.

Sementara itu, Shaharuddin berkata PLPP turut mewujudkan Bahagian Sokongan Pekerjaan di bawah sektor perkhidmatan sokongan dan keusahawanan yang merupakan tunjang utama bagi OKU serta bekas pelajar PLPP membuat persiapan selain persediaan memasuki alam pekerjaan.

Beliau berkata Bahagian Sokongan Pekerjaan tersebut dibahagikan kepada tiga unit iaitu unit penempatan pekerjaan, unit transisi kerjaya dan unit advokasi melaksanakan program kesedaran OKU kepada komuniti luar.

"Fungsi unit-unit ini antaranya mewujudkan hubungan dengan bakal majikan atau agensi kerajaan seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang membuka peluang pekerjaan kepada OKU selain menyokong OKU meningkatkan keyakinan diri, kemahiran berkomunikasi, kepimpinan serta sahsiah diri," katanya.

PLPP yang ditubuhkan untuk memberikan perkhidmatan kepada OKU melalui latihan vokasional dan pemulihian perubatan telah melahirkan 2,220 lepasan OKU sejak pusat itu beroperasi sepenuhnya pada 1999 dan pengambilan pelajar pada 2000.